

IORA'



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

*Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar
Bersama Profesor Dr. Normah
Omar (Top Most Influential Women
In Islamic Business & Finance) m/s 7*


m/s 6

LIVE HD

*Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar:
"Institusi Beraja Lambang
Kedaulatan Negara"*



m/s 34



LIVE HD

*Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi
Perkongsian Ilmu: Industri Madu
Kelulut di Negeri Sabah*

m/s37

LIVE HD

*LIVE@PTAR UiTM Cawangan
Sarawak@122 Astro &
myFreeview: Perpustakaan*

m/s22



*Kunjungan Hormat Ke Pejabat
Penolong Rektor*





LIVE@PTAR SIRI 11 BICARA PAKAR BERSAMA PROFESOR DR. NORMAH OMAR (TOP MOST INFLUENTIAL WOMEN IN ISLAMIC BUSINESS & FINANCE)

17 MAC 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CRAWANGAN SHAH ALAM

The screenshot shows a live video feed from YouTube. In the center, two women are seated at a table covered with a black cloth. The woman on the left is wearing a light blue hijab and a dark top, while the woman on the right is wearing a pink hijab and a dark top. They are engaged in a conversation. The background features a purple banner with the text "PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK" and "LIVE @ PTAR". On the right side of the banner, there is a graphic for "STREAMING LIVE" with a blue speech bubble-like shape.



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance). Program ini telah dikendalikan oleh Dr. Hajah Zalifah Awang Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR selaku moderator program bersama panel jemputan, Profesor Dr. Normah Omar, Former Director & Senior Research Fellow Accounting Research Institute (ARI HICoE), UiTM Shah Alam. Perkongsian topik pada sesi bual bicara kali ini dimulakan dengan pengenalan kepada biodata panel jemputan, yang merangkumi pelbagai anugerah dan pencapaian dari dalam dan luar negara. Seterusnya, panel jemputan berkongsi pengalaman mengenai perkembangan bidang kepakaran beliau iaitu Islamic financial criminology di UiTM sehingga tertubuhnya kumpulan penyelidik UiTM. Menurut Profesor Dr. Normah Omar, bagi memahami dengan lebih lanjut mengenai Islamic financial criminology, beberapa sesi lawatan ke pelbagai agensi yang berkaitan dengan kewangan islam dan financial criminology telah dijalankan untuk mendapat maklum balas dan masalah yang perlu diselesaikan.

Di samping itu, beliau turut berkongsi projek-projek dalam bidang ini yang telah mendapat pengiktirafan sehingga ke peringkat global. Pada tahun 2017, beliau telah dijemput menyertai sebuah forum di Oxford University bagi berkongsi maklumat mengenai "Business Fights Poverty". Salah satu projek adalah berkaitan dengan Microfinance yang melibatkan golongan ibu tunggal di beberapa buah kampung seperti di Tanjung Karang, Paka dan Kuala Terengganu. Peserta telah diberi pinjaman kewangan dalam jumlah yang kecil oleh Amanah Ikhtiar Malaysia, seterusnya dihubungkan dengan Mydin Holding yang membantu menyediakan bahan mentah dengan harga yang murah.

Pada masa yang akan datang, beliau berharap agar para penyelidik mengetengahkan konsep-konsep Islam supaya dapat mengikis perasaan Islamophobia. Ia secara tidak langsung dapat menunjukkan Islam bukanlah satu agama yang agresif namun ia adalah salah satu cara hidup (way of life). Justeru, tenaga pakar di UiTM haruslah bekerjasama untuk membantu kerajaan Malaysia membendung Islamophobia ini. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat, khususnya warga UiTM.

10